

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

RAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 8.

BANDAR BRUNEI, RABU, 20 APRIL, 1960 (23 Shawal, 1379)

PERCHUMA

## RANCHANGAN KEMAJUAN

### \$30 Juta

Sekolah2 dan  
clinic2 akan  
di-dirikan

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Lapau Diraja pada hari Ithnin lepas telah meluluskan anggaran belanjawan tambahan hampir \$30,000,000 banyak-nya untuk ranchangan2 kemajuan bagi tahun ini.

Antara perbelanjaan2 yang besar ia-lah \$7,542,239 bagi Pejabat Kerja Raya dan \$3,520,357 ia-lah peruntukan kerana perbekalan2 ayer.

Pejabat Pelajaran akan mendapat anggaran tambahan sa-banyak \$3,277,746 dan ranchangan2 perumahan \$1,605,535.

Dalam ucapan pembukaan majlis Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa tambahan anggaran belanjawan itu di-minta untuk melaksanakan ranchangan2 yang telah di-jalankan dan juga bagi ranchangan2 baharu.

Baginda berkata :—

"Perlaksanaan ranchangan2 ini akan merupakan satu langkah besar ka-arrah kemajuan ekonomi negeri ini. Mudahan2 faedah2-nya akan tetap lagi sa-jati.

"Banyak lagi sekolah2 akan dibina untuk memberi pelajaran kepada anak2 kita sakalian dan banyak lagi tempat2 berubat akan di-adakan."

### PENUBOHAN JAWATAN KUASA KELEBEHAN2

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Lapau Diraja di-sini pada hari Ithnin telah melantek ahli2 yang berikut menjadi anggota2 Jawatan Kuasa Kelebehan2 bagi Majlis Meshuarat Negeri.

Inche Jamil bin Pehin Khatib Umar (pengerusi), Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar, Inche Shahbudin bin Salleh, Inche Ghazali bin Omar dan Pehin Laksamana Haji Mohd Taha.



Duli Yang Maha Mulia membaca ucapan titah membuka persidangan Majlis Meshuarat Negeri yang di-adakan di-Lapau Diraja, Bandar Brunei pada hari Ithnin. Di-hadapan baginda ia-lah Tuan Speaker, Dato Paduka Haji Ibrahim.

### Putera2 Diraja akan memasuki sekolah Inggeris di-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei akan berangkat ka-Malaya dan bulan ini bersama2 dengan putera2 baginda yang akan melanjutkan pelajaran di-Kuala Lumpur.

Putera2 Duli2 Yang Maha Mulia itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkihah, dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkihah.

Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkihah telah di-puterakan di-Brunei pada 15 July, 1946, dan Pengiran Muda Mohamed Bolkihah pada 27 August, 1947.

Kedua orang putera itu telah mendapat pelajaran Melayu di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei, dan telah belajar bahasa Inggeris di-Sekolah Istana.

Antara rakan2 putera2 baginda yang akan berangkat ka-Kuala Lumpur untuk belajar di-sabua sekolah ia-lah dua orang putera2 yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, tiga orang putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan sa-orang putera Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara ia-lah Pengiran Anak Abdul Rahman dan Pengiran Anak Apong.

Putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha ia-lah Pengiran Anak Yusof, Pengiran Anak Jaafar dan saudara kembarnya Pengiran Anak Puteh.

Putera Yang Berhormat Pengiran Ali ia-lah Pengiran Anak Kamarulzaman.

Sa-lain dari itu, sa-orang puteri Duli Pengiran Pemancha, Pengiran Anak Saleha akan juga berangkat bersama2 rombongan itu untuk belajar di-sabua sekolah perempuan di-Kuala Lumpur.

### Ahli2 Jawatankuasa Kira2 Kerajaan

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Lapau Diraja di-sini pada hari Ithnin telah melantek ahli2 yang berikut menjadi anggota2 Jawatan Kuasa Kira2 Kerajaan :

Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar (pengerusi), Inche Abdul Manan bin Mohamed, Tuan George Newn Ah Foot, Inche Md. Hashim bin Tahir, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar, Pehin Jawatan Dalam Haji Awang bin Mohammed Noor dan Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin.

### KEMAJUAN PERLU BERJALAN SA-CHARA BERANSOR2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah beritah supaya pegawai2 yang baharu tiba di-negeri ini di-beri masa untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan2 negeri dalam tugas mereka menyusun pertadbiran mengikut perlembagaan.

Baginda berkata, "Beta perchaya penduduk2 negeri ini menaruh harapan penoh agar perlembagaan baharu itu akan memberi faedah kema'moran yang lebeh kapada negeri ini.

"Akan tetapi perlembagaan itu tidak-lah juga dapat kita sifatkan sa-bagai satu penawar yang ajaib. Dalam kehidupan sa-sabua negeri dan bangsa kerajaan yang sekarang ini tidak-lah dapat menghuraikan masalah2 yang lampau dan sa-terusnya pula menyelenggarakan kemajuan2 yang baharu dalam tempoh yang sangat singkat.

"Apa2 kemajuan ka-arrah perlembagaan atau lain2 perkembangan terpaksa-lah di-lakukan beransor2 dan sa-bagai kewajipan yang pertama mustahak-lah disusun sa-mula chara pertadbiran untuk menyesuaikan dengan kehendak2 perlembagaan.

### AHLI2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang ahli Majlis Meshuarat Negeri, Tuan P.M. Linton, Inche Idris bin Babji dan Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengangkat sumpah dalam persidangan majlis pada hari Ithnin lepas.

# Guru2 Brunei akan hantar perwakilan

**BANDAR BRUNEI.** — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah memilih tiga orang ahli-nya untuk mewakili persekutuan itu dalam persidangan guru2 antara bangsa di-Kuala Lumpur dari 24 hingga 30 April ini.

Persidangan itu di-anjarkan oleh Persekutuan Guru2 sa-Dunia dan akan di-langsungkan di-dewan Tunku Abdul Rahman.

Lebeh 100 orang wakil dari negeri2 Asia dan Australia di-jangka akan menghadhiri persidangan tersebut.

Wakil2 PGGMB ia-lah Inche Nordin bin Latif, Yang Berhormat Inche Jamil bin Umar dan Inche Omar bin Muhammad (Setiausaha Agong).

Ini-lah kali pertama satu persidangan guru2 sa-umpama itu di-adakan.

Sa-lain dari membincangkan soal "kesihatan kanak2 dan sekolah" persidangan itu juga akan membincangkan :

◆ Soal mewajibkan pelajaran

peringkat rendah di-Asia.

◆ Pelaksanaan undang2 perjawatan guru2 oleh pelbagai kerajaan.

Soal2 yang di-bincangkan dalam persidangan itu akan di-kemukakan ka-dalam persidangan Persekutuan Guru2 Sa-Dunia yang akan di-langsungkan di-Amsterdam dalam bulan August akan datang.

Negeri2 yang akan menghantar wakil2 ka-persidangan itu ia-lah Malaya, Iran, Jepun, Ceylon, Hong Kong, Korea, Vietnam, Australia, Brunei, Filipina dan Singapura.

Beberapa buah negeri termasuk Britain, Amerika Sharikat, Israel dan Belanda akan menghantar pemerhati2-nya.

Pemerhati2 dari Bangsa2 Bersatu akan ikut hadir dalam perundingan2 tersebut.

## 11 KELASI TAMAT LATEHAN DI-MALAYA

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-belas orang kelasi dari Pejabat Marine telah balek ka-Brunei baharu2 ini sa-telah menamatkan latehan sa-lama tiga bulan dengan pasokan Angkatan Laut Diraja Malaya di-Singapura.

Mereka itu di-ketuai oleh Pengiran Sabtu bin Pengiran Othman, Serang Grade 1.

Sa-lain dari 11 orang kelasi itu sa-orang lagi kakitangan pejabat tersebut, Inche Hassan bin Abdul Ghani sekarang sedang dalam latehan dengan sharikat kejuruteraan kapal, Thorneycrofts di-Singapura.

Inche Hassan di-jadualkan berlateh sa-lama tiga tahun untuk menambah pengetahuan-nya dalam jurusan kejuruteraan kapal laut.

## 4 NELAYAN SELAMAT DARI LUAT BERGELORA

**MUARA.** — Empat orang nelayan yang tidak balek ka-pelabuhan mengikut jadual telah selamat sampai di-sini pada pagi 11 April sa-telah bermalam di-laut.

Mereka itu telah pergi ka-suatu lobok ikan di-barat Pulau Kumaran dan di-jangka balek ka-Muara pada petang 9 April.

Kebimbangan atas keselamatan nelayan2 itu telah timbul dan ranchangan di-adakan untuk mencari mereka dengan kapal Si<sup>S</sup> Seria.

Kapal itu telah di-perentahkan berlepas ka-Muara pada petang 10 April untuk mencari nelayan2 itu di-laut pada pagi keesokan<sup>n</sup> nya.

Sa-orang juruchakap nelayan itu berkata perjalanan balek telah tergendala oleh sebab injin motobot mereka telah rosak.

"Kami terpaksa menggunakan pengayoh sa-jauh 30 batu dalam laut yang bergelora," kata beliau.

## RUMAH ORANG2 TUA SERIA DAPAT BANTUAN KERAJAAN

**SERIA.** — Rumah orang2 tua di-sini mungkin di-besarkan menjelang hujung tahun iin dan di-namakan Rumah Orang Tua Kerajaan berikutan dengan kemurahan kerajaan mengurniakan bantuan.

Tuan R.H.L. Sung pengerusi Majlis Perkhidmatan Kaum Daerah Belait berkata dalam penyata tahunan majlis itu bahawa kerajaan telah mengurniakan bantuan yang akan membolehkan rumah itu di-besarkan.

Apabila di-besarkan kelak ru-

## Penuntut2 maju dalam pelajaran

**BANDAR BRUNEI.** — Penuntut2 dari Negeri Brunei yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di-Australia sedang maju dalam pelajaran masing2 kata Tuan J. Pearce, Pengetua Maktab Latehan Guru2 Melayu2 Brunei.

Tuan Pearce telah balek ka-Australia kerana berchuti penggal pada 10 March dan balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada 12 April.

Tuan Pearce telah berjumpa dengan beberapa orang penuntut dari Brunei, antara-nya ia-lah Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indra Mohamed.

mau itu akan dapat menerima antara 60 dan 65 orang tua untuk tinggal di-situ.

Tuan Sung berkata bahawa kerajaan telah memberi jaminan hendak mengurniakan bantuan tetap tiap2 tahun sa-banyak \$20,000 apabila rumah itu di-jadikan rumah kerajaan.

Dalam penyata tahunan itu Tuan Sung berkata bahawa bantuan sa-banyak \$40,000 telah di-kurniakan oleh kerajaan untuk mengadakan ranchangan2 kebajikan yang lain dalam tahun ini.

Penyata itu antara lain berkata dermasiswa yang di-beri oleh majlis itu kepada penuntut2 telah di-naikkan dari \$150 kepada \$200 sa-tahun oleh sebab kenaikan bayaran sekolah.

"Bagi tahun ini dermasiswa kepada 7 orang penuntut telah di-luluskan," kata penyata itu lagi.

## MURID2 SEKOLAH MELAYU BALEK BELAJAR SA-TELAH BERCHUTI

**BANDAR BRUNEI.** — Kira2 8,000 orang penuntut2 sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah balek belajar sa-mula pada hari Rabu 13 April sa-lepas berchuti sa-lama 47 hari dari 26 February.

Kelepasan itu ia-lah chuti bulan puasa dan penggal satu.

Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei telah di-buka sa-mula sa-lepas kelepasan pada hari tersebut juga.

Sekolah2 Inggeris kepunyaan Kerajaan, ia-itu Sultan Omar Ali

Saifuddin College, Bandar Brunei dan Anthony Abell College, Seria akan di-buka sa-mula sa-lepas kelepasan pada hari Khamis 21 April.

Sekolah2 Inggeris itu telah ditutup kerana kelepasan penggal pertama mulai 26 February yang lalu.

## Sharikat minyak Shell beri dermasiswa kepada murid2

**BANDAR BRUNEI.** — Tiga orang lagi penuntut2 sekolah Inggeris di-negeri ini telah di-tawarkan dermasiswa oleh sharikat minyak Shell supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran sa-hingga memasuki peperiksaan Senior Cambridge.

Penuntut2 itu semua-nya dari sekolah menengah St. Angela's Convent, Seria dan ia-lah di-antara beberapa orang penuntut kawasan Borneo yang telah di-tawarkan dermasiswa oleh sharikat tersebut dalam tahun ini.

Dermasiswa yang baharu di-

tawarkan kepada 23 orang penuntut2 kawasan Borneo itu berharga \$7,000 sa-tahun.

Jumlah ini ia-lah tambahan kepada dermasiswa yang telah di-umumkan terlebih dahulu dan berharga \$60,000.



Guru2 perempuan turut hadir dalam meshaurat agong tahunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang di-adakan di-dewan SOAS bahu2 ini.

# DASAR PELAJARAN BRUNEI AKAN DI-SEMAK

**G**URU2 MELAYU Negeri Brunei telah di-minta memikul tanggung jawab menjadi pemimpin ra'ayat supaya menjadikan anak negeri yang baik pada masa hadapan.

Seruan itu telah di-buat oleh Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara Brunei dalam meshuarat agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang di-adakan di-dewan SOAS College di-sini pada 4 April ini.

Meshuarat itu telah di-buka oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Sa-lain dari 462 orang ahli, pembukaan meshuarat itu telah di-hadiri juga oleh Pesuruh Jaya Tinggi British Yang Terutama Tuan D.C. White dan Pesuruh Negara, Yang Berhormat Inche Ali bin Hassan.

Inche Idris juga berharap bahawa meshuarat itu akan membawa pengertian besar untuk kemajuan guru2 dan ra'ayat negeri ini.

Pegawai Pelajaran Negara itu berkata bahawa Negeri Brunei

Idris berkata bahawa pada masa ini dasar pelajaran sedang di-semak untuk mensesuaikan dengan keadaan dan kemajuan ekonomi negeri.

Dasar itu juga di-semak untuk mensesuaikan dengan kehendak dan chita2 penduduk2 negeri ini.

Dasar pelajaran Razak, mithalnya, ujar beliau, "Sudah tidak sesuai lagi dengan Persekutuan Tanah Melayu, sa-hingga pada masa ini sudah menempoh beberapa perubahan-nya.

"Jadi terpaksa-lah Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini mengkaji balek penyata Razak itu untuk mensesuaikan dengan kehendak2 negeri itu.

"Dari itu kita harus membuat dasar pelajaran yang baharu dengan fikiran tenang dan sempurna yang benar2 berfa'edah kepada anak2 kita dan sesuai dengan penduduk2 Brunei."

Inche Othman bin Bidin, Yang Di-Pertua, PGGMB dalam ucapan pembukaan meshuarat telah mengalu2kan para hadirin.

Semenjak PGGMB di-tubuhkan lebih 20 tahun dahulu, pada tahun ini-lah meshuarat agongnya di-buka dengan rasminya oleh Menteri Besar Brunei.

Inche Othman berkata: "Kita rasa sangat bertuah dan kita mengucapkan shukor kepada Tuhan."

"Sa-lama 20 tahun PGGMB telah berjalan dengan lancar dan dapat di-nikmati oleh ahli2-nya. Semua-nya ia-lah dengan bantuan kerajaan."

Yang di-Pertua PGGMB itu tidak lupa mengucapkan terima kaseh-nya atas bantuan2 kerajaan dan bersedia akan memberi apa2 bantuan kepada kerajaan jika di-kehendaki.

Beliau menyambong ucapannya bahawa kerajaan sekarang telah mengishtiharkan bahasa Melayu ia-lah bahasa rasmi negeri ini bersama2 dengan bahasa Inggeris.

"Langkah yang sa-bagitu cepat yang di-ambil oleh kerajaan itu ada-lah menunjukkan benar2 bahawa kerajaan mengikuti dasar Perlembagaan yang bertulis yang sedang di-jalankan sekarang.

"Langkah yang demikian ini mudahan2 akan hidup sa-terusnya dan dapat di-nikmati oleh umat Melayu dan seluruh Gugusan Pulau2 Melayu". kata Inche Othman.

( Lihat Muka 7 )



Inche Marsal bin Maun berucap dalam persidangan PGGMB sa-bagai penasihat. Beliau menelah tahun ini sa-bagai tahun kejayaan bagi persekutuan yang telah memasuki usia 21 tahun.



Inche Othman bin Bidin.

ada-lah negara muda dalam kemajuan yang berkehendakkan pimpinan dari cherdek pandai terutama dari kalangan kaum guru.

"Kapada guru2-lah sa-sabuaah negara menumpahkan harapan supaya menjadikan warga negara yang berguna untuk menjadi perkakas suci membena negara pada masa hadapan.

"Di-bahu kaum guru-lah letaknya sa-bahagian dari kemajuan dan pembangunan negara ini." kata Inche Idris.

Beliau menegaskan bahawa pekerjaan guru ada-lah senang dan mudah jika tidak bertanggung jawab, tetapi sa-benar-nya adalah susah dan penting.

"Susah dan penting, sa-kiranya kita bekerja dengan berkorban masa dan memenohi syarat2 dan kewajiban sa-orang guru terhadap murid dan memenohi kehendak ibu bapa dan negara." kata beliau.

Membicarakan tentang dasar pelajaran Negeri Brunei, Inche



Di-meja agong kelihatan dari kiri: Inche Othman bin Bidin, Tuan D.C. White, Dato Paduka Haji Ibrahim dan lain2.



Dhaif2 dalam majlis jamuan yang di-adakan oleh PGGMB beramah tamah.



Persidangan pembukaan meshuarat agong PGGMB itu sa-lain dari 462 orang ahli-nya telah di-hadiri oleh ketua2 kaum dan pegawai2 kerajaan.

# Shor atas pembekalan gas ka-Brunei dapat sokongan

Usul yang menhadangkan "supaya kerajaan melanjutkan pembekalan gas dari Seria ka-Bandar Brunei" itu telah dipinda dan berbunyi:

"Bahawa kerajaan menyiasat segala kemungkinan supaya dapat mengadakan pembekalan gas dari Seria ka-Bandar Brunei."

Pada menyokong usul itu Yang Berhormat Tuan P. M. Linton, Managing Director, sharikat Brunei Shell Petroleum Company, sa-orang ahli yang di-lantek untuk mewakili kepentingan2 yang tidak chukup di-wakili oleh ahli2 yang di-pilih berkata :

## PERLU DI-TIMBANGKAN

"Ada-lah jelas bahawa perkara itu mustahak bagi negeri ini dan yang demikian tentulah patut di-kemukakan dalam majlis ini. Perkara itu sangat2 memerlukan pertimbangan dari segi teknik dan ekonomi.

"Kita tidak boleh membincangkan kerumitan2-nya dalam majlis ini tetapi agak-nya sedikit pandangan atas kemungkinan2 perkara itu harus menarek perhatian majlis ini, mithal-nya :

"Sa-batang paip gas 8 inci garis bulatan-nya dengan jentera2 penekan di-Seria untuk memberi tekanan 200-250 paun pada satu inci persegi akan dapat menghantar gas ka-Brunei sabanyak mana yang di-gunakan di-Seria dan Belait pada hari ini kerana keperluan rumah dan semua tenaga lestriki yang di-gunakan oleh BSP.

## MEMAKAN \$6,000,000

"Paip yang saperti itu, bersama jentera penekan-nya, tetapi tidak termasuk paip2 kecil untuk menyampaikan perbekalan di-Bandar Brunei akan memakan belanja sa-banyak \$6,000,000 lebih kurang.

"Dengan memikirkan pemakaian pada masa ini, pada fikiran saya ini tidak baik bagi ekonomi negeri kerana pemakaian-nya tidak begitu banyak untuk membayar perbelanjaan Tetapi jika paip itu telah sedia ada-lah pemakaian gas itu akan bertambah pula?

"Tenaga yang murah dan senang di-dapati ini boleh mendatangkan faedah bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga kepada perkembangan perusahaan yang kita semua ingin melihat-nya. Kerajaan hendaklah menimbangkan perkara ini.

"Ada satu kemungkinan lagi yang saya fikirkan tiada salah-nya bagi saya menyebut-nya di-majlis ini. Sa-bagai ganti menghantar gas ka-Bandar Brunei ada kemungkinan mendirikan pusat lestriki di-Seria dan menghantar tenaga lestriki ka-Brunei.

Suatu usul yang bertujuan mengembangkan perusahaan di-negeri ini dan membanyakkan pekerjaan bagi anak negeri serta mengurangkan perbelanjaan atas bayaran kerana tenaga lestriki telah mendapat sokongan ahli yang di-lantek untuk mewakili puak2 yang tidak chukup di-wakili oleh ahli2 yang di-pilih dalam Majlis Meshuarat Negeri.

Ahli itu telah menawarkan bantuan yang sa-penoh-nya daripada sharikat minyak Brunei Shell sa-kira-nya kerajaan membentok satu jawatan kuasa terpilih untuk menyiasat segala kemungkinan yang timbul dari usul tersebut.

Usul itu telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib Umar, sa-orang ahli yang di-pilih pada hari pertama persidangan majlis itu yang di-adakan di-Lapau Diraja, Bandar Brunei pada hari Ithnin lepas.

Sungguh pun usul yang di-kemukakan oleh Inche Jamil itu telah di-pinda dari bentuk asal-nya tetapi pada dasar-nya telah di-terima baik dalam persidangan.

Pindaan itu telah di-chadangkan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Inche Ali bin Hassan sa-telah Inche Jamil memberi keterangan bahawa Pejabat Lestriki Brunei hari ini menggunakan 1,000 gallon minyak sa-hari atau 360,000 gallon sa-tahun untuk menyelenggarakan perusahaan itu.

"Saya telah beruchap sa-bagai menjelaskan bahawa saya menyokong chadangan itu pada dasar-nya sungguh pun tidak pada bentok-nya yang asal.

"Saya rasa satu jawatan kuasa terpilih hendaklah di-lantek

oleh Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud itu akan mempunyai tugas yang sa-akan2 sama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka di-Persekutuan Tanah Melayu.

## KEADAAN PERSEKOLAHAN

Persidangan hari pertama itu telah di-tanggohkan sa-hingga pukul 9.30 pagi sa-malam untuk membincangkan lain2 perkara termasuk tiga usul yang telah di-chadangkan oleh dua orang ahli2 yang di-pilih.

Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Salleh berchadang hendak mengemukakan usul "supaya kerajaan di-minta memberi peluang2 kepada, dan menggalakkan orang2 peranakan tempatan supaya di-ambil bekerja dalam perkhidmatan awam dan di-dalam sharikat2 perniagaan di-Brunei."

Yang Berhormat Inche Md. Hashim bin Tahir berchadang hendak mengemukakan usul2 :  
◆ Pelantekan surohan jaya yang bebas bagi menyiasat keadaan persekolahan penuntut2 Brunei di-Woodchester Park School di-England.  
◆ Dermasiswa Jaya bin Abdul Latif yang telah di-tarek balek oleh kerajaan itu di-teruskan sa-mula.

Sa-belum usul2 ahli2 yang di-pilih itu di-bincangkan pada hari Ithnin dua usul yang di-kemukakan atas nama Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Umar telah di-luluskan.

## KELEBAHAN2 BAGI AHLI

Usul pertama ia-lah kerana melantek ahli2 Jawatan Kuasa Kira2 Kerajaan dan satu lagi menubuhkan Jawatan Kuasa Kelelahan2 bagi Majlis Meshuarat Negeri.

Satu usul lagi yang ti-kemukakan pada hari pertama oleh pehak kerajaan ia-lah chadangan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham meminta majlis meluluskan anggaran belanja tambahan bagi tahun 1960.

## TIGA RANG UNDANG2

Persidangan sa-malam dijadualkan juga meluluskan tiga rang undang2 yang telah dibentangkan oleh Peguam Negara atas akuan kechemasan.

Rang undang2 itu mengenai :

1. Undang2 Majlis Meshuarat Ugama, Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah Kadhi.
2. Undang2 Peratoran Jenayah (Pindaan), 1960 dan
3. Undang2 Perbekalan Tambahan 1960.

Persidangan itu telah di-buka oleh Duli Yang Maha Mulia dan di-hadhiri oleh Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British, Tuan D.C. White dalam istiadat pembukaan.

Dalam ucapan pembukaan Duli Yang Maha Mulia telah bertitah antara lain :

"Beta sangat2 sukachita kerana mendapat peluang sa-kali lagi beruchap kepada majlis meshuarat ini. Maksud ucapan beta ia-lah untuk mema'alumkan kepada majlis meshuarat tentang niat beta hendak meninggalkan negeri ini kerana berchuti di-Persekutuan Tanah Melayu. Beta berchadang hendak meninggalkan negeri ini dalam bulan ini dan akan tiada dalam negeri sa-lama lebih kurang dua bulan.

## JEMAAH PEMANGKU RAJA

"Sa-bagaimana yang di-khendaki oleh Perlembagaan, beta telah memanggil Majlis Meshuarat Di-raja bersidang dan beta telah di-nasihatkan oleh majlis meshuarat itu bahawa suatu Jemaah Pemangku Raja akan di-tubuhkan sa-masa ketiadaan beta di-negeri ini. Nama2 ahli Jemaah Pemangku Raja itu akan di-ishtiharkan dalam warta kerajaan kelak.

"Dari semenjak beta beruchap kepada tuan2 sakalian dahulu, kita sakalian telah sangat2 dukachita apakala mendengar khabar berkenaan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman, Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu.

"Ra'ayat2 Negeri ini telah pernah berjumpa dan kenal kapada Al-merhum Baginda samasa kunjongan-nya yang pendek ka-negeri ini dan kita pun sakalian turut bersama2 merasa sedih saperti juga saudara2 kita di-Malaya atas kemangkatan sa-orang Raja yang bijak

(Lihat Muka 5)



Tuan P.M. Linton

untuk menyiasat berbagai2 kemungkinan dengan sa-chepat mungkin.

## TAWARAN BANTUAN

"Jika majlis ini berfikir bahawa tindakan saperti itu bijak saya sukachita menawarkan bantuan yang sa-penoh-nya daripada sharikat Brunei Shell Petroleum Company Ltd. dalam menjalankan tugas itu."

Satu lagi usul dari ahli yang di-pilih yang telah di-luluskan sa-malam mengenai pelantekan "satu badan yang bebas yang bertanggung jawab kepada kerajaan untuk memeriksa perkara2 berhubung dengan perkembangan bahasa Melayu sabagai bahasa rasmi saperti yang di-kehendaki dalam perlembagaan."

Badan yang di-chadangkan

# Kemudahan2 untok belajar bahasa Inggeris

## UNTOK MELUASKAN ILMU PENGETAHUAN

**BANDAR BRUNEI.** — Bahasa Inggeris ada-lah mustahak dipelajari di-samping melaksanakan pemakaian bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri ini kerana menchari dan meluaskan ilmu pengetahuan yang sa-jajar di-dunia ini.

Pendapat ini telah di-lafazkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, dalam ucapan-nya merasmikan pembukaan persidangan meshuarat agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang di-langsungkan di-dewan SOAS College di-sini pada 4 April ini.

Untok mempelajari bahasa Inggeris kerajaan ada-lah berdaya upaya mengadakan kemudahan2 supaya ra'ayat Brunei tidak akan tertinggal dengan negara2 lain, kata Dato Paduka.

### BAHASA RASMI

Berhubung dengan perasmian bahasa Melayu, Dato Paduka menyeru guru2 Melayu supaya bekerjasama dengan kerajaan agar2 menjadikan bahasa itu benar2 menjadi bahasa kebangsaan yang tunggal di-Brunei.

Bahasa Melayu telah di-kanunkan dalam perlembagaan sa-bagai bahasa rasmi negeri ini dan pelaksanaan-nya telah di-jalankan semenjak perlembagaan itu di-umumkan dalam bulan September tahun lepas.

Sa-lain dari mengalu2kan selamat bersidang, Dato Paduka berharap mudahan2 keputusan yang berguna untok guru2 dan ra'ayat akan di-buat dalam meshuarat agong itu.

### MENJADI CHONTOH

Yang Amat Berhormat itu sangat tertarek pada usaha guru2 tahun demi tahun dengan kemajuan-nya dan beliau berharap segala kemajuan itu menjadi chontoh kepada orang2 Melayu di-negeri ini.

Dato Paduka berkata :

"Perlembagaan Negeri Brunei, ada-lah menunjukkan bahawa negeri kita sudah sa-langkah menuju arah kemerdekaan. Kita mesti bertanggung jawab untok mengisi maksud2 sa-sabua negeri yang berperlembagaan.

"Kapada guru2-lah sa-bagai golongan terpenting berusaha supaya ra'ayat negeri ini sentiasa dipimpin dan terdidek dengan jalan yang lurus yang supaya menjadikan ra'ayat yang berguna pada masa hadapan."

### MENCHARI ILMU

Ucapan Dato Paduka itu antara lain berbunyi:

"Saya suka juga menyebutkan di-sini, saya sangat tertarek hati di-atas usaha2 yang telah di-jalankan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, yang dari sa-tahun ka-satahun menunjukkan kemajuan.

"Sa-lain dari itu saya suka menyatakan di-sini ia-itu, perlembagaan yang bertulis ia-lah satu la-

ngkah negara ini menjadi sa-buah negara yang menuju ka-arah kemerdekaan.

"Dari itu dengan persembahan diaan dan mengisi maksud2 sa-sabua negeri yang berperlembagaan.

"Di-sini saya berseru kepada tuan2 berusaha supaya anak2 ra'ayat di-negeri ini sentiasa dipimpin dan terdidek dengan jalan yang lurus supaya akan menjadi ini tanggung jawab kita telah menjadi bertambah2 untok perse-

kan ra'ayat yang berguna dan berharga pada masa yang akan datang.

"Dalam perlembagaan baharu kita itu, bahasa negeri ini ia-lah Bahasa Melayu.

"Dalam so'al ini saya harap kapada tuan2 akan memberi kerjasama kapada kerajaan untok menjadikan yang bahasa Melayu itu benar2 bahasa kebangsaan yang tunggal di-negeri ini.

### TERTAREK HATI

"Dalam perkara ini saya suka juga memahamkan kapada tuan2 walau pun bahasa Melayu dirasmikan dan akan di-amalkan, tetapi bahasa Inggeris itu ada-lah mustahak kerana menchari ilmu pengetahuan yang sa-jajar di-dunia ini.

"Dari itu kerajaan ada-lah berikhtiar dengan sa-daya upaya-nya mengadakan kemudahan2 untok mempelajari bahasa Inggeris itu supaya ra'ayat Brunei tidak akan tertinggal oleh negara yang lain2."

## GERAKAN MENCHEGAH BATOK KERING DARI BERJANGKIT

**BANDAR BRUNEI.** — Satu rombongan perubatan yang membawa X-ray kapada penduduk2 kampung akan datang ka-Kampung Ayer pada 22 April ini kerana mengambil gambar untok mengetahui sama ada mereka itu menghadapi penyakit batok kering atau tidak.

Pengambilan gambar X-ray itu ia-lah lanjutan gerakan memben-teraskan kejadian penyakit batok kering di-negeri ini yang di-lancarkan lebih dua tahun dahulu.

Satengah2 penduduk2 Kampung Ayer telah pun di-gambar dahulu tetapi penggambaran telah di-berhentikan sementara mengkaji hasil penyisatan yang telah di-jalankan.

Dalam satu kenyataan Pejabat Perubatan Brunei berkata bahawa penyakit batok kering itu sangat merbahaya kerana ia sangat mudah berjangkit.

Kejadian penyakit itu ada-lah di-katakan banyak berlaku di-negeri ini. Di-kawasan sa-belah utara Sungai Tutong ia-itu Brunei, Muara, Tutong dan Temburong sa-ramai 1,500 telah di-ketahui menghidap penyakit itu dari pepereksaan X-ray yang telah di-jalankan.

Mereka itu telah di-ubati. Sabahagian telah sembuh dan ke-

banyakan dari yang lain2 itu tidak berjangkit lagi penyakit-nya.

Untok mendapati penduduk2 Kampung Ayer rombongan perubatan itu akan menggunakan ferry "Higgins". Ferry itu akan datang juga pada 23, 24 dan 25 April.

Untok mengcheгах penyakit itu dari berjangkit dari orang2 yang menghidap-nya Pejabat Perubatan berchadang :

- ◆ Mengetahui orang2 yang telah lama menghidap penyakit batok kering dan juga orang2 yang baharu diserang oleh penyakit itu.
- ◆ Mengubati orang2 yang di-ketahui menghidap penyakit batok kering.
- ◆ Mengasingkan orang2 yang sakit sa-hingga penyakit-nya tidak berjangkit lagi.
- ◆ Mengubati mereka yang sakit supaya dapat menjalankan pekerjaan saperti biasa

## Jawatan pemeriksa kenderaan darat

**BANDAR BRUNEI.** — Surat2 permohonan adalah di-jemput bagi jawatan pemeriksa kenderaan di-Pejabat Kenderaan Darat, Brunei.

Pegawai2 tempatan yang sedang berkhidmat yang suka memohon jawatan ini hendaklah menghantarkan surat2 permohonan mereka melalui ketua pejabat masing2.

Tingkatan gaji ia-lah \$570 x 30-750 sa-bulan.

Borang2 surat permohonan boleh di-dapati dari setia usaha, Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan balek tidak lewat dari 15 May, 1960.

## LATEHAN POLIS BRUNEI DI-K.L.

**BANDAR BRUNEI.** — Dua puluh orang anggota baharu Polis Brunei telah berlepas dengan kapal pada 18 haribulan ini untok berlateh di-pusat latehan Polis Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur.

Bersama dengan mereka ia-lah tiga orang pegawai yang tidak bertauliah ia-itu sa-orang serjan dan dua orang corporal. Mereka itu akan berlateh di-Malaya selama 9 bulan lebih kurang.

Rombongan itu ia-lah yang pertama di-jadualkan berlepas ka-Malaya dalam tahun ini. Empat puluh orang lagi anggota2 baharu akan mendapat latehan dalam tahun ini.

Mereka itu akan di-hantar selang tiga bulan dalam satu2 rombongan 20 orang yang akan di-pileh dalam bidangan Polis mengambil anggota2 baharu dalam tahun ini.

- ◆ dengan sa-chepat mungkin.
- ◆ Menyuntik bayi, kanak2 dan lain2 orang supaya terkawal dari penyakit batok kering.

## DYMM BERCHUTI DUA BULAN DI-MALAYA

(Dari Muka 4)

sana dan mudah2an Allah Subhanahu Wa'ala akan men-chuchorkan rahmat ka-atas-nya.

"Kita sakalian sangat2 sukachita mendengar yang Duli Yang Maha Mulia Sultan Hisshamuddin Alam Shah, Sultan Selangor telah pun di-lantek menjadi Yang Di-Pertuan Agong baharu.

"Kapada baginda, kita sakalian memberi tahniah dan kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan men-chuchorkan ilham ka-atas-nya dan akan memberi kapada-nya kekuatan dan panduan dalam menjalankan tanggungjawab2 yang berat yang di-hadapinya."

Baginda telah menutup ucapan dengan menguchapkan selamat tinggal kapada sakalian ra'ayat di-Negeri Brunei.

## PANCHARAGAM

**BANDAR BRUNEI.** — Pancharagam Polis akan memperdengarkan bunyian2-nya di-Kampung Ayer mulai dari pukul 7.15 petang hari ini dari kapal ferry "Higgins".

# Gadis pelopor sukan berkerja di-rumah sakit

**BANDAR BRUNEI.** — Pada zaman pemuda2 Negeri Brunei bergerak dalam segala lapangan, kemajuan, pemuda2 tempatan tidak-lah mahu di-tinggalkan di-barisan belakang.

Pemudi2 telah belajar dengan bersungguh2 sa-hingga pada hari ini ada beberapa orang antara mereka yang sedang belajar di-luar negeri.

Bukan sahaja pemuda2 tempatan maju di-lapangan pelajaran, b a h k a n satengah2-nya telah meneruka lapangan sukan dan mendapat kemajuan.

Sa-orang daripada pemuda2 yang terkemuka di-lapangan sukan negeri ini ia-lah Dayangku Rohana puteri yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Mohamed, Pengelola Jabatan Talikom Brunei.

Dayangku Rohana baharu sahaja menyambut ulang tahun hari lahir-nya yang ke-23.

## MENANG 2 GELARAN

Sa-bagai pelopor dalam lapangan sukan Dayangku Rohana ia-lah sa-orang ahli dalam lapangan permainan badminton, perlumbaan perahu layar, lumba lari dan gerakan badan.

Beliau telah memenangi dua gelaran dalam pertandingan badminton, satu di-Brunei, dan satu di-Sarawak.

Ia telah menjadi johan peraduan badminton bergu dengan Puan Smith yang di-adakan di-bawah anjoran Brunei Sports Club tiga tahun dahulu.

Tidak berapa lama kemudian, sedang Dayangku Rohana melanjutkan pelajaran di-rumah sakit besar Sarawak di-Kuching, ia telah berjaya memenangi gelaran johan badminton bahagian campuran di-bawah anjoran rumah sakit besar itu. Pasangan-nya ia-lah Inche Loman.

Baharu2 ini, dalam perlumbaan berjalan kaki dari pantai Berakas ka-Brunei sa-jauh kira2 9 batu, Dayangku Rohana telah mendapat gelaran yang ketiga di-antara ramai wanita2 dari berbagai2 bangsa yang mengambil bahagian.

## KEJAYAAN DI-AYER

Pada masa ia sedang belajar di-sekolah Melayu Bandar Brunei, Dayangku Rohana biasa mengambil bahagian dengan pasukan2 senaman sekolah itu yang telah berjaya dalam pertandingan senaman di-antara sekolah2 Melayu seluruh Negeri Brunei.

Sa-lain dari kejayaan-nya dalam pertandingan2 di-darat, Dayangku Rohana juga telah beroleh kejayaan di-ayer.

Ia pernah mengambil bahagian dalam perlumbaan perahu layar di-bawah anjoran Royal Brunei Yacht Club dan memenangi perlumbaan itu.

Bukan sahaja Dayangku Rohana terkenal di-lapangan sukan,

bahkan ia juga ada-lah sa-orang wanita yang mempunyai kechen-derongan yang luas di-lapangan kesenian dan kebudayaan.

Ia tidak ketinggalan menyumbangkan tenaga-nya pada masa di-langsungkan sambutan2 hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia semenjak beberapa tahun yang lalu.

Dayangku Rohana di-kenal juga sa-bagai Dayang Ambun

juru-rawat yang berkhidmat di-rumah sakit Kerajaan Brunei.

Dalam masa tersebut, ia telah meningkat maju dalam pekerjaan-nya mulai sa-bagai sa-orang Penolong Jururawat sa-hingga ia di-lantek menjadi sa-orang Staff Nurse pada 1 March tahun 1959.

Dayangku Rohana telah di-hantarkan oleh kerajaan untuk melanjutkan pengetahuan-nya di-rumah sakit besar kerajaan Sarawak di-Kuching sa-lama sa-tahun dari bulan February tahun 1958.

Sa-lain dari jururawat Dayangku Rohana ia-lah sa-orang bidadia yang bertauliah.

Dalam jurusan2 ini ia berkhid-



Dayangku Rohana binti Pengiran Kerma Indra.

sa-telah mengambil peranan dalam lakunan Jong Batu.

Lakunan itu telah di-persembahkan oleh pemuda-pemudi Melayu di-Brunei pada masa keberangkatan Al-merhum Tuanku Sir Abdul Rahman, bekas Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu ka-Brunei dalam bulan July tahun yang lepas.

## KELUAR AYER MATA

Dalam lakunan itu, Dayangku Rohana telah menunjukkan lakunan-nya yang istimewa sa-hingga kelihatan beberapa orang yang telah mengeluarkan ayer mata.

Di-sabalek tabir peribadi-nya yang telah di-huraikan di-atas, Dayangku Rohana ia-lah sa-orang

tidak kepada orang ramai dengan tidak mengira bangsa.

“Jangan-lah wanita2 Melayu memandang rendah terhadap pekerjaan jururawat. Sa-bagai jururawat dapat-lah kita memberi pertolongan yang sangat2 di-kehendaki oleh masyarakat” kata Dayangku Rohana.

Di-samping kewajipan-nya yang besar di-rumah sakit, Dayangku Rohana juga telah mencheborkan diri-nya dalam pergerakan Pasukan Palang Merah British Chawangan Brunei semenjak sapuluh tahun dahulu.

Sekarang Dayangku Rohana ada-lah menjadi sa-orang Pegawai Kanan dalam Pasukan Palang Merah British Chawangan Brunei — (MZA).

## KEMAJUAN WANITA MAKIN MENINGKAT

**BANDAR BRUNEI.** — Wanita2 Negeri Brunei harus dalam sedikit masa lagi akan mendesak hendak memegang jawatan2 yang sekarang ini di-khaskan kepada kaum laki2 sahaja.

Ini ia-lah kerana kaum wanita tidak kurang keras semangat-nya walau pun mereka itu di-katakan kaum yang lemah.

Bukti-nya ia-lah sa-makin lama sa-makin ramai wanita negeri ini bekerja di-berbagai2 lapangan perkhidmatan kerajaan.

Semangat kekerasan wa-itu biasa-nya berselindung di-lek tabir. Dari itu-lah tidak dapat di-ketahui dengan sa-chepat mungkin pada sa-suatu pekerjaan atau gerak yang di-tugaskan oleh wanita.

Kekerasan semangat yang hulu berselindung sekarang telah munchul dengan nyata-nya dengan chita2 mereka hendak menchipta kemajuan.

Kalau di-zaman yang silam mereka ada menaruh perasaan takut dan segan, kini mereka tidak segan2 lagi berjuang dalam sa-genap lapangan kerana kebaikan negara.

Mereka telah sanggup meninggalkan ibu bapa dan tanah ayer membawa diri keluar negeri untuk menchari kemajuan diri dan masharakat.

Kemajuan wanita di-negeri ini tidak terhad di-pekan2 sahaja. Di-kampung2 juga sekarang telah tertubuh pergerakan2 wanita yang bertujuan hendak mendapatkan kemajuan—(Mala Mas).

## Ketetapan tarikh pertunjukan

**BANDAR BRUNEI.** — Pertunjukan pertanian Negeri Brunei yang ke-14 akan di-adakan pada 21 August tahun ini demikian di-umumkan oleh Pegawai Pertanian Negara, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit.

Tempat pertunjukan itu ia-lah sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Inche Hamidoon berkata bahawa sa-lain dari tanam2an binatang2 ternakan dan barang2 pertukangan tangan akan diterima juga untuk di-pamerkan.

Untuk memberi kesempatan yang lebeh lanjut kepada petani2, tukang2 dan penternak2 binatang menyediakan barang2 pertunjukan, penghulu2 dan ketua2 kampung ada-lah di-minta menghebahkan tarikh pertunjukan tersebut.

# Persatuan tinju rangka undang2

**BANDAR BRUNEI.** — Rang perlembagaan persatuan tinju amateur Brunei State Amateur Boxing Association akan di-bentangkan untuk di-luluskan dalam mesuarat persatuan itu yang akan diadakan di-Brunei Sports Club di-sini dalam bulan ini.

Perlembagaan itu mengandungi tiga bahagian — memorandum, syarat2 dan peratoran mengenai pertandingan dan lain2.

Untuk keluaran ini di-peturunkan syarat2 dalam bahagian memorandum seperti berikut:

1. Persatuan ini akan di-kenal sa-bagai "The Brunei State Amateur Boxing Association."

2. Tujuan2-nya ia-lah :  
(a) menggalakkan dan mengembangkan tinju amateur, mengadakan perlawanan, pertandi-

ngan dan kejohanan di-dalam Negeri Brunei,

(b) mengelolakan tinju amateur di-semua pertandingan, perlawanan dan kejohanan yang diadakan di-bawah undang2 persatuan.

3. Menguruskan semua perkara2 lain untuk menchapa' dan meluaskan tujuan2 persatuan.

## lab Melayu dan SRC kalahkan pasokan hokey Klab China

**SERIA.** — Klab China Shell yang telah menerima kekalahan di-tangan Klab Melayu Shell dalam pertandingan hokey di-bawah arahan Lembaga Sukan Daerah Belait baharu2 ini, telah sa-kali lagi kalah dalam satu lagi pertandingan hokey.

Pada kali ini, Klab China itu telah di-kalahkan oleh Shell Recreation Club dengan 5 gol berbalas 1.

Pertandingan tersebut di-langsungkan di-Padang Shell Recreation Club dengan di-saksikan oleh ramai penonton.

Nazareth dan Clark telah menjaringkan 2 gol sa-orang, manakala Gaughan menjaringkan satu gol bagi pehak Shell Recreation Club.

Gol yang tunggal bagi pegak

Klab China Shell di-jaringkan oleh Christopher Koh.

## RENGKASAN BERITA SUKAN

Pertandingan sukan tahunan Sharikat Minyak Shell pada tahun ini akan di-langsungkan di-Seria dalam bulan May hadapan. Pertandingan pemilehan akan di-jalankan pada 7 May dan pertandingan akhir pada 14 May.

Panaga Club telah mengalahkan Shell Recreation Club dalam satu pertandingan kriket sa-chara persahabatan di-sini baharu2 ini dengan 9 wicket.

Shell Recreation Club dan Klab China Shell telah beroleh seri dalam satu perlawanan ping pong di-Seria baharu2 ini.

Shell Recreation Club telah menang 4 perlawanan, manakala Klab China juga 4 perlawanan.

## Perlawanan merebutkan perisai McKerron

**BANDAR BRUNEI.** — Pasokan Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait akan bertemu dengan Anthony Abeli College dalam pusingan pertama pertandingan bola sepak Perisai McKerron di-Padang Kuala Belait pada petang ini.

Dua perlawanan bola sepak pusingan pertama kerana merebutkan perisai tersebut akan di-langsungkan pada petang Juma'at 22 April.

Perlawanan yang pertama akan di-adakan di-Padang Shell Recreation Club Seria, di-antara Dayak Club dan pasokan Pejabat Kerja Raya, Bandar Brunei.

Satu lagi perlawanan akan di-adakan di-Padang Pekan Brunei.

Pasokan Forelanders mengandungi pemain2 dari sharikat2 perniagaan akan melawan Police Club, Kuala Belait, pada petang Jumaat hadapan.

## PASOKAN HOKEY CHINA KALAH

**SERIA.** — Klab Melayu Shell telah mengalahkan Klab China Shell dengan 4 gol tidak berbalas dalam satu pertandingan hokey yang hebat di-Padang Panaga baharu2 ini.

Pertandingan hokey itu di-adakan di-bawah anjoran Lembaga Sukan Daerah Belait.

Dalam masa pertengahan yang pertama Klab Melayu telah mendapat 1 gol tidak berbalas. Gol itu di-jaringkan oleh O.A. Rahman.

Apabila pertandingan di-sambung sa-mula sa-telah berehat, Klab Melayu telah memperolehi 3 gol lagi. Gol itu di-jaringkan oleh Ibrahim Ghani, O.A. Rahman dan Hussain Awang Ahmad.

Sejak permainan di-mulai sehingga tamat pertandingan itu, pemain2 Klab Melayu dan Klab China telah bermain dengan chergas.

Bagaimana pun, pemain2 dari Klab Melayu telah berhasil mengalahkan Klab China sa-bagaimana tersebut.

## PASOKAN BRUNEI SPORTS CLUB SAMA HANDAL DENGAN AIRPORT

**BANDAR BRUNEI.** — Penggemar2 bola sepak tempatan telah menyaksikan satu perlawanan bola sepak yang hebat di-Padang Pekan Brunei pada minggu yang lalu manakala Brunei Sports Club telah bermain seri dengan Upper Airport.

Perlawanan tersebut telah di-langsungkan sa-chara persahabatan sahaja.

Kedua2 pasokan tidak-lah dapat menjaringkan satu gol pun dalam masa pertandingan.

Perkara tersebut ia-lah kerana pemain2 kedua2 pasokan telah bermain dengan chergas sa-panjang masa.

Penjaga gol Brunei Sports Club, Sulaiman dan penjaga gol Upper Airport, Weston Keasberry yang telah menyelamatkan beberapa gol yang merbahaya telah bermain dengan chukup baik.

Inche Sharbini telah mengadakan pertandingan tersebut.

## "INI TAHUN KEJAYAAN"

(Dari Muka 3)

Akhir-nya, beliau berharap bahawa kerjasama yang baik antara PGGMB dengan kerajaan itu akan rapat dan tegoh sama ada sa-chara langsung atau tidak, akan berjalan terus menerus.

"Sebab-nya saya katakan begitu ia-lah pada masa ini beberapa orang dari ahli2 persekutuan telah terpilih menduduki kerusi Majlis Meshuarat Negeri dan Majlis Meshuarat Kerajaan sekarang ini," kata Inche Othman.

Yang Berhormat Inche Marsal bin Ma'un, sa-laku penasihat kanan PGGMB telah berucap juga dalam majlis itu.

Beliau berkata bahawa PGGMB telah masuk dalam perlembagaan yang sedang berjalan sekarang dalam usia-nya masuk 21 tahun yang bererti "tahun kejayaan" menuju arah kemajuan terus menerus.

Dalam usia PGGMB yang bererti 'kejayaan' itu, Inche Marsal berharap bahawa persekutuan akan dapat berkhidmat terus dalam lapangan kemajuan masha-rakat umum.



Untuk menghebahkan rancangan kerajaan hendak membanchi penduduk2 negeri dalam tahun ini sharahan2 telah di-beri oleh Pengelola Banchi Brunei, Inche Matnoor McAfee, kapada penghulu2 dan ketua2 kampung.

# Persekutuan akan meminda perlembagaan

**KUALA LUMPUR.** — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan beberapa pindaan kepada perlembagaan negara itu yang bertujuan untuk melawan tindakan sabversiv politik dan juga perhubungan hendak membangkitkan pergaduhan perkauman.

Undang2 untuk meluluskan pindaan2 itu akan di-bawa ka-parlemen dalam bulan ini.

Satu dari pindaan2 itu ia-lah untuk mengenepikan kuasa2 yang terhad yang ada pada parlemen supaya membolehkan kerajaan meluluskan undang2 bila di-fikirkan bahawa satu2 pertubuhan di-dalam Persekutuan atau di-luar-nya telah bertindak atau mengancam beberapa orang dengan menggunakan kekerasan terhadap mereka atau harta benda.

## Undang2 dharurat di-Afrika

**CAPETOWN, (Afrika Selatan).** — David Pratt, sa-orang peladang yang kaya dan tuan kilang, telah di-tahan di-bawah kuat kuasa undang2 dharurat berkaitan dengan perhubungan hendak membunuh Perdana Menteri Afrika Selatan, Doktor Hendrik Verwoerd.

Ada-lah di-beritakan bahawa Dr. Verwoerd ada di-dalam keadaan yang memuaskan di-dalam rumah sakit besar Pretoria dimana beliau telah di-pindahkan dari Johannesburg.

Ada-lah di-jangka bahawa jemaah menteri akan mengadakan persidangan untuk membincangkan kedudukan yang berlaku di-sebabkan perhubungan hendak membunuh itu.

Satu surohanjaya telah memulakan penyiasatan atas penembakan di-Sharpville pada bulan lalu di-mana 67 orang Afrika telah mati dan lebih 200 orang telah cedera.

Ada-lah di-jangka bahawa jemaah menteri akan pasti mengesahkan lantikan Tuan Paul Sauter, Timbalan Perdana Menteri sa-bagai pemangku ketua kerajaan sa-hingga Doktor Verwoerd dapat meneruskan kerjanya sa-mula.

Jemaah menteri juga akan membincangkan perkara perwakilan Afrika Selatan di-persidangan perdana2 menteri Commonwealth di-London dalam bulan hadapan, oleh sebab sudah nyata bahawa Doktor Verwoerd tidak dapat membuat kunjungan tersebut.

Menteri Luar Afrika Selatan, Tuan Eric Louw, di-jangka akan pergi bersama2 Perdana Menteri ka-persidangan itu, tetapi sekiranya tiada dapat di-ketahui adakah beliau akan pergi sa-orang diri

Pindaan2 yang di-chadangkan itu juga akan mengadakan tahanan2 keselamatan.

Satu pengumuman kerajaan berkata bahawa pindaan2 perlembagaan yang di-chadangkan itu akan membolehkan sa-sa-orang di-tahan sa-hingga dua tahun "sa-kira-nya Seri Paduka Baginda berpuas hati bahawa adalah mustahak menahan orang itu dengan tujuan supaya ia tidak mengambil tindakan yang membahayakan keselamatan Malaya dan kawasan-nya, ketenteraman raayat dan perkhidmatan yang mustahak di-Malaya."

Sa-terusnya pengumuman itu menyatakan bahawa pindaan2

perlembagaan yang di-chadangkan itu akan menahan sa-sa-orang dari menjadi ahli parlemen sa-kira-nya ia telah di-jatuhkan hukuman oleh sa-buah mahkamah undang2 atas sa-suatu kesalahan dan di-penjara tidak kurang dari dua tahun.

Undang2 ini tidak akan berkuasa sa-kira-nya Yang Di-Pertuan Agong telah mengampunkan-nya atau jika 5 tahun sudah berlalu semenjak ia di-bebasan dari penjara.

Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussein, tatkala menerangkan pindaan2 yang di-chadangkan itu berkata bahawa pindaan2 itu di-chadangkan sa-telah mendapat pengalaman sa-lama tiga tahun di-bawah perlembagaan itu semenjak Malaya merdeka.

Beliau berkata bahawa beberapa pindaan lagi mengenai undang2 kera'ayatan dan kewangan akan di-bawa ka-parlemen di-penghujung tahun ini.

## SULTAN SELANGOR DI-PILEH MENJADI YANG DI-PERTUAN AGONG MALAYA

**KUALA LUMPUR.** — Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Tuanku Hisamuddin Alam Shah Al-Haj ibnu Almerhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah telah di-pileh oleh Raja2 Melayu menjadi Yang di-Pertuan Agong yang kedua menggantikan Al-merhum Tuanku Abdul Rahman yang telah mangkat pada 1 April yang lalu.

Pemilihan itu telah di-langsungkan dalam persidangan Raja2 di-Istana Negara, Kuala Lumpur dengan chara undi sulit pada 14 April.

Persidangan Raja2 Melayu itu juga telah memilih Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Syed Putra ibnu Almerhum Syed Hassan Jamalullail menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Pada hari itu juga, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong yang kedua dan Timbalan-nya telah mengangkat sumpah memegang jawatan masing2.

Sa-belum persidangan memilih Yang di-Pertuan Agong yang baharu dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong di-mulakan, Raja2 Melayu telah bertafakur sa-jurus sa-bagai tanda kehormatan atas kemangkatan Almerhum Tuanku Sir Abdul Rahman.

Duli Yang Maha Mulia telah di-puterakan di-Selangor pada 13 May, 1898. Baginda mulai mendapat pelajaran di-Sekolah Melayu Bandar, Kuala Langat, Selangor dan di-Malay College, Kuala Kangsar.

Sir Hisamuddin di-tabalkan menjadi Sultan Selangor pada 4 April, 1938 setelah paduka ayahanda-nya mangkat dan di-pileh oleh Raja2 Melayu menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 3 August, 1957.

Duli Yang Maha Mudia itu bersama permaisuri-nya telah berangkat ka-Mekah menunaikan fardhu Haji dalam bulan August, 1952.

Baginda telah berangkat ka-United Kingdom pada tahun 1953 kerana menghadiri kemahkotaan Queen Elizabeth.

Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang baharu, Sir Syed Putra ibnu Syed Hassan Jamalullail, di-puterakan di-Arau, Perlis pada 25 November, 1920.

Baginda telah mendapat didekan di-Sekolah Melayu di-Negeri Perlis dan kemudian melanjutkan pelajaran di-Penang Free School.

Baginda telah naik takhta kerajaan-nya pada 4 December, 1945 dan di-tabalkan menjadi Raja Perlis pada 12 March, 1949.

## BANGUNAN BAHARU PARLEMEN MALAYA

**KUALA LUMPUR.** — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat satu tapak rumah untuk mendirikan sa-buah bangunan perlemen baharu yang akan di-bena tidak berapa lama lagi.

Bangunan ini akan di-dirikan dalam kawasan kebun bunga Lake Garden di-tengah2 bandar raya dan kebun bunga itu akan di-besarkan lagi.

Satu pengumuman kerajaan berkata: "Ranchangan ini apa' siap nanti akan meujudkan batang jalan raya sa-batu panjang-nya dengan di-barisi oleh pokok2, serta mempunyai 4 lorong2 yang perkokok2 rendang, dan melalui di-atas satu lemleh yang berbentuk piring dan jambatan yang merintang di-atas sa-batang jalan raya kemudian terus ka-Bukit Parlemen.

Kebanyakan dari lorong2 yang berpokok rendang itu akan menjadi kawasan baharu bagi kebun bunga Lake Garden itu.

Pengumuman itu menyatakan bahawa tengkatan pertama bagi ranchangan ini akan memakan belanja lebih kurang \$2,000,000.

## AFRO-ASIA NA' MERAYU KAPADA P.B.B.

**NEW DELHI.** — Persidangan bangsa2 Afro-Asia yang berjalan sa-lama 3 hari untuk membincangkan soal Tibet dengan sa-bulat suara meluluskan satu persetujuan bahawa Kerajaan China Komunis telah melanggar hak2 asasi manusia dengan sa-chara teratur dan buas di-kawasan pergunungan itu.

Persidangan yang telah di-adakan di-New Delhi itu juga telah berchadang hendak merayu kepada Bangsa2 Bersatu supaya megambil tindakan untuk memberhentikan "tindakan menghapuskan satu2 umat manusia" yang di-jalankan di-Tibet.

Persidangan itu juga telah menyatakan perasaan terperanjat-nya atas kebengisan2 yang telah berlaku baharu2 ini di-Afrika Selatan mengenai perbezaan warna kulit.

Di-dalam satu keputusan yang lain, kongres itu memandang berat akan perbuatan2 Kerajaan China Komunis dan Russia melarang ra'ayat Islam di-negeri2 itu menentukan nasib sendiri.